

DEMONSTRASI PROJEK KIK, SPECTRA-COMM OLEH KUMPULAN ‘THE CHIMNEY’ SKN 340

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4749-demonstrasi-projek-kik-spectra-comm-oleh-kumpulan-the-chimney-skn-340

BUKIT KUBONG, 2 Apr 19 – Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Skn 340, ‘The Chimney’ telah membuat satu demonstrasi ke atas projek KIK, Spectra-Comm iaitu ‘Long Range Spread Spectrum Low Power Communication’ buat julung kalinya bersama Panglima Wilayah Udara 2 di Kompleks TUDM Bukit Kubong.

Panglima Wilayah Udara 2, Mej Jen Dato’ Haji Yazid bin Arshad TUDM telah diberi penerangan dan peluang untuk menguji Alenia ‘Proactive Information System’ (A-PIS) yang boleh digunakan sebagai alat bantuan kecemasan dan keselamatan meskipun tanpa talian telefon dan capaian internet. Hasil ujikaji ini amatlah positif dan mendapat pengiktirafan serta boleh disebar luas penggunaannya ke agensi luar.

Ketua kumpulan The Chimney, Mej Mohd Haziq Izzat bin Sulaiman TUDM akan membawa projek ini untuk dipertandingkan di peringkat TUDM dan juga Kementerian Pertahanan.

